

# PANDUAN PENGGUNA SISTEM PLET KELULUSAN TUKARGUNA BANGUNAN



Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
(MBPJ)

Disediakan oleh:

**Hypepresso**  
Insights

**Hypepresso Insights Sdn. Bhd**  
K-G-20, Jalan PJU 1A/1,  
Taipan Damansara 2, Ara Damansara  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia  
Phone: + 016 2315025  
Email: [hypepresso.insights.malaysia@gmail.com](mailto:hypepresso.insights.malaysia@gmail.com)

---

## KANDUNGAN

---

<b>1.0</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>2.0</b>	<b>AKSES SISTEM</b>	<b>3</b>
<b>3.0</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH PENGGUNAAN</b>	<b>4-7</b>
<b>4.0</b>	<b>KELULUSAN</b>	<b>8</b>
<b>4.1</b>	<b>DALAM PROSES</b>	<b>8</b>
<b>4.2</b>	<b>PLET KELULUSAN</b>	<b>9</b>
<b>4.3</b>	<b>BORANG C1</b>	<b>10</b>
<b>5.0</b>	<b>SLIP PEMBAYARAN DITOLAK</b>	<b>11</b>

## 1.0 TUJUAN


Dokumen ini berfungsi sebagai panduan rujukan untuk pengguna dengan menyediakan arahan langkah demi langkah tentang cara menggunakan fungsi sistem dengan berkesan.

## 2.0 AKSES SISTEM




### ◆ Akses semasa

- Buka pelayar web dan masukkan URL: <https://pletkm.mbpj.gov.my/login>
- Setelah URL dimasukkan, halaman utama sistem akan dipaparkan.



### 3.0 LANGKAH-LANGKAH PENGGUNAAN



Ruj.Kami : ( )dlm. MBPJ/040100/T/P23/1/  
PJU6/0654/2022  
TanKh :


Tetuan Bandar Utama City Centre Sdn. Bhd.  
No.1 Dataran Bandar Utama  
Bandar Utama  
**47800 PETALING JAYA.**

**TANPA PRASANGKA**


Tuan / Puan,

**NOTIS MEMPERBAHARUI / PERLANJUTAN KELULUSAN MENUKAR KEGUNAAN BANGUNAN KEDIAMAN / PERNIAGAAN KEPADA TADIKA/ TASKA / PUSAT JAGAAN / RUMAH ORANG TUA / BAJET HOTEL / PERDAGANGAN TERHAD / INSTITUSI DAN LAIN-LAIN BAGI TAHUN 2026**


- Pengguna perlu memasukkan **Nombor Rujukan** terlebih dahulu.
- **Nombor Rujukan** boleh didapati pada **Notis Pelanjutan**. (Seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas).
- Seterusnya, tekan butang **“Log Masuk”** untuk meneruskan ke langkah berikutnya.




- Pengguna perlu memasukkan **Nombor Telefon Bimbit** untuk menerima **Kata Laluan Sekali (OTP)** bagi tujuan pengesahan.
- Seterusnya, tekan butang **“Dapatkan Kod”** untuk meneruskan proses.




- Pengguna akan menerima **kod pengesahan (OTP)** yang dihantar ke **peti masuk telefon bimbit**.
- Seterusnya, pengguna perlu **memasukkan kod pengesahan tersebut** dan menekan butang **“Sahkan”** untuk meneruskan.




- Setelah butang “Sahkan” ditekan, pop-up **Pengesahan Berjaya** akan dipaparkan. Pengguna perlu menekan butang “OK” untuk meneruskan.



- Setelah butang “OK” ditekan, pengguna akan dibawa ke **Dashboard**.
- Klik “Seterusnya” untuk terus ke halaman berikut.




- Di halaman seterusnya, pengguna akan melihat **pop-up notis (wajib dibaca)** bagi mengesahkan bahawa **maklumat syarikat adalah betul**.
- Selepas membaca notis tersebut, klik **“OK”** untuk teruskan.



- Pada halaman ini, sekiranya pengguna mendapati terdapat **kesilapan pada maklumat syarikat**, disebelah kiri (Menu) pengguna perlu **menghubungi pihak bertanggungjawab melalui nombor telefon atau e-mel yang disediakan**.
- Seterusnya, jika **maklumat syarikat adalah betul**, pengguna diminta untuk **memasukkan alamat e-mel serta memuat naik Slip Pembayaran** bagi tujuan **mendapatkan PLET Kelulusan**.
- Pengguna perlu tekan butang **“Hantar”** untuk meneruskannya.

## 4.0 KELULUSAN

### 4.1 Dalam Proses



- Setelah butang “**Hantar**” ditekan, pengguna akan dibawa ke **Halaman Dalam Proses**.
- Dalam halaman ini, pengguna perlu menunggu antara **3 hingga 5 hari bekerja** untuk **semakan dan kelulusan Slip Pembayaran** oleh **Pihak MBPJ**.

## 4.2 PLET Kelulusan

Notifikasi Kelulusan Plet Inbox x

**Plet Kelulusan Tukarguna Bangunan MBPJ** <mbpj\_smtp@mbpj.gov.my>  
to me

12:58 AM (7 minutes ago) ☆ 😊 ↶ ⋮


**Salam Sejahtera,**

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan bagi PLET Tukarguna Bangunan di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah diluluskan. Dokumen rasmi kelulusan boleh dimuat turun terus melalui Sistem PLET Kelulusan MBPJ yang telah disediakan.

Tuan/puan diingatkan untuk mencetak serta menyimpan dokumen tersebut sebagai rujukan, dan memastikan semua syarat serta peraturan yang dinyatakan dipatuhi sepenuhnya. Kelulusan ini hanya sah bagi tujuan permohonan yang diluluskan.


Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak MBPJ melalui saluran rasmi.

Sekian, terima kasih.



**GO GREEN.PAPERLESS** | Sila pertimbangkan alam sekitar sebelum mencetak e-mel ini.

Peringatan Keselamatan / Kerahsiaan : E-mel ini termasuk apa-apa fail lampiran yang dihantar bersama adalah rahsia dan bertujuan semata-mata untuk kegunaan individu yang dialamatkan sahaja. Jika anda bukan penerima yang dinamakan, sila ambil perhatian bahawa segala bentuk tindakan untuk menyebarkan, mengedarkan atau menyalin e-mel ini adalah dilarang sama sekali. Sila maklumkan kepada penghantar atau MBPJ dengan kadar segera melalui e-mel jika anda telah menerima e-mel ini secara tidak disengajakan serta mengambil tindakan dengan memadamkan atau menghapuskan e-mel asal tersebut termasuk fail-fail lampiran. MBPJ komited untuk membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga MBPJ bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.




Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Siti Zulaikha binti Abdul Halim

Email: [silzulaikha@mbpj.gov.my](mailto:silzulaikha@mbpj.gov.my)

No. Tel: 012-4957931

**PELANJUTAN KEBENARAN MERANCANG**

**Plet Kelulusan Tukarguna Bangunan**



Adalah dimaklumkan bahawa permohonan anda telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) selepas melalui proses penentuan, semakan serta pengesahan yang sewajarnya mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

Dengan kelulusan ini, dokumen rasmi PLET Kelulusan Tukarguna Bangunan telah disediakan untuk dimuat turun. Dokumen ini merupakan pengesahan rasmi daripada pihak MBPJ bahawa permohonan anda untuk memperbaharui kelulusan tahunan telah diluluskan serta mematuhi garis panduan, syarat-syarat teknikal, dan ketetapan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, anda diminta untuk memuat turun dokumen tersebut melalui pautan yang tersedia dan memastikan ia disimpan dengan baik. Salinan cetakan juga disyorkan untuk tujuan pengesahan, rujukan dalaman, atau sekiranya diperlukan semasa pemeriksaan pihak berkuasa.

Sekali lagi, tahniah diucapkan di atas kelulusan ini. MBPJ berharap agar kelulusan ini dapat memudahkan segala urusan anda, di samping memastikan kepatuhan berterusan terhadap peraturan yang telah ditetapkan.



**Muat Turun PLET**

PLET Kelulusan

Log Keluar


- Pada halaman ini, pengguna akan menerima **e-mel pemberitahuan** sebagai pengesahan bahawa **Slip Pembayaran telah diluluskan**.
- Melalui e-mel tersebut, pengguna boleh **memuat turun PLET Kelulusan**, atau **log masuk semula ke dalam sistem** (<https://pletkm.mbpj.gov.my/login>) untuk memuat turun **PLET Kelulusan** tersebut.

### 4.3 Borang C1



- Pada halaman ini, pengguna akan menerima e-mel pemberitahuan sebagai pengesahan bahawa **Borang C1 telah diluluskan oleh Datuk Bandar MBPJ.**
- Melalui e-mel tersebut, pengguna boleh **memuat turun Borang C1**, atau **log masuk semula ke dalam sistem (<https://pletkm.mbpj.gov.my/login>)** untuk memuat turun Borang C1 & PLET Kelulusan tersebut.

## 5.0 SLIP PEMBAYARAN DITOLAK



- Pengguna akan menerima **e-mel pemberitahuan penolakan Slip Pembayaran** sekiranya slip yang dimuat naik **tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan**.
- Pengguna seterusnya diminta masuk ke sistem semula untuk **memuat naik Slip Pembayaran yang baharu** bagi tujuan **mendapatkan kelulusan**.